

Headline	KPDNKK tubuh TISC tingkat kefahaman tentang harta intelek		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	16	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,888
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,663



KPDNKK tubuh TISC tingkat kefahaman tentang harta intelek

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan menubuhkan Pusat Sokongan Teknologi dan Inovasi (TISC) di peringkat kebangsaan untuk memudahkan capaian maklumat dan meningkatkan kefahaman masyarakat setempat mengenai harta intelek.

Ia merupakan projek kerjasama antara Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), sebuah agensi di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan World Intellectual Property Organization (WIPO).

Menteri KPDNKK, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, satu memorandum persefahaman telah dimeterai bersama tujuh buah universiti tempatan bagi mewujudkan kepakaran dalam bidang harta intelek dan pengkomersialan harta intelek.

"Projek itu mampu meningkatkan sumber kekayaan baharu negara melalui pembangunan inovasi dan kreativiti daripada pakar-pakar dan seterusnya memperbaiki kedudukan Malaysia dalam Indeks Inovasi Global.

"TISC juga menyokong agenda negara di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11)

iaitu menjana kekayaan melalui inovasi selain menjadi projek di bawah ASEAN IPR Action Plan 2011-2015," katanya pada Majlis

MyIPO Merandatangani Memorandum Persefahaman Bersama Universiti Tempatan di sini semalam.

Hadir sama Pengerusi MyIpo, Datuk Abdul Manan Ismail serta Ketua Pengarah MyIpo, Datuk Shamsiah Kamaruddin.

Sementara itu, tujuh universiti terlibat dengan projek itu ialah Universiti Malaysia, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kolej Tati dan sebuah institusi Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Hamzah menambah, projek itu juga diwujudkan dengan menjadi sebuah seksyen di bawah bahagian paten sebagai bentuk komitmen MyIPO dalam membangunkan TISC di Malaysia.



HAMZAH (tengah) bersama Abdul Manan (enam-dari kiri) dan Shamsiah (lima dari kiri) bergambar bersama wakil-wakil universiti selepas majlis pertukaran dokumen perjanjian kerjasama antara MyIPO di Menara UOA, Bangsar, Kuala Lumpur semalam.